

PANDUAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN DAN PERAKUAN PRAKTIS (CERTIFICATE OF PRACTICE – CoP) BAGI PERANCANG BANDAR BERDAFTAR.

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Panduan Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan Perakuan Praktis (Certificate of Practice – CoP) ini disediakan berdasarkan peruntukan Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538] dan bertujuan memberikan panduan kepada Perancang Bandar berdaftar yang ingin menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.
- 1.2 Setiap Perancang Bandar berdaftar yang ingin menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar hendaklah mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan Perakuan Praktis (CoP) dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) mengikut kaedah dan syarat yang ditetapkan.
- 1.3 Pertubuhan Perbadanan yang telah diluluskan pendaftarannya oleh LPBM boleh menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar tertakluk kepada Akta 538, peraturan-peraturan berkaitan serta apa-apa syarat yang ditetapkan oleh LPBM.
- 1.4 Pertubuhan Perbadanan ialah suatu entiti yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197] atau Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang menjalankan amalan dalam bidang perancangan bandar termasuk:
 - a. Pemilikan Tunggal;
 - b. Perkongsian; atau
 - c. Syarikat Sendirian Berhad
- 1.5 Perakuan Praktis (Certificate of Practice – CoP) ialah suatu kelulusan yang diberikan oleh LPBM kepada Perancang Bandar berdaftar bagi menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar melalui Pertubuhan Perbadanan yang berdaftar dengan LPBM.
- 1.6 Pemegang CoP bertanggungjawab terhadap segala tugas, tanggungjawab profesional dan liabiliti yang berkaitan dengan amalan perancangan bandar yang dijalankannya, tertakluk kepada Akta 538 dan peraturan yang ditetapkan oleh LPBM.

2.0 OBJEKTIF

2.1 Objektif peraturan ini adalah seperti berikut:

- i. memastikan pendaftaran dan komposisi Pertubuhan Perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar mematuhi peruntukan Akta 538;
- ii. memastikan hanya Pertubuhan Perbadanan dan Perancang Bandar berdaftar yang memenuhi syarat ditetapkan oleh LPBM dibenarkan menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar;
- iii. memastikan penyampaian perkhidmatan perancangan bandar dilaksanakan secara profesional, beretika dan bertanggungjawab; dan
- iv. mewujudkan serta menyelenggara Daftar Pertubuhan Perbadanan dan pemegang CoP yang lengkap dan dikemas kini secara berkala.

3.0 HAK MENJALANKAN AMALAN SEBAGAI PERANCANG BANDAR

- 3.1 Setiap Perancang Bandar berdaftar yang mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP mempunyai hak untuk:
- i. Menyediakan rancangan pemajuan seperti Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan bagi maksud Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (*mandatori kepada Ketua Perunding*);
 - ii. Menjalankan kajian perancangan pembangunan bandar, luar bandar dan wilayah, dan kajian kebolehlaksanaan dan penilaian kesan alam sekitar berhubung dengan kegunaan tanah (*mandatori kepada Ketua Perunding*); dan
 - iii. Menyediakan dan mengemukakan permohonan kebenaran merancang, susun atur pecah bahagian, lakaran dan laporan perancangan kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa awam bagi maksud membangunkan mana-mana tanah (*mandatori kepada orang yang layak menyediakan permohonan kebenaran merancang*).

4.0 PENDAFTARAN PERTUBUHAN DAN CoP

4.1 Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan Yang Baharu

- 4.1.1 Kelulusan nama dan butiran pertubuhan perbadanan Perancang Bandar berdaftar yang ingin memulakan amalan sebagai Perancang Bandar hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan LPBM bagi nama dan butiran Pertubuhan

Perbadanan yang dicadangkan melalui Sistem LPBM dengan mengemukakan Borang 6 berserta fi yang ditetapkan.

- 4.1.2 Pendaftaran nama pertubuhan perbadanan
Kelulusan nama Pertubuhan Perbadanan hendaklah diperoleh daripada LPBM sebelum nama tersebut didaftarkan dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 4.1.3 Alamat pertubuhan perbadanan
Alamat Pertubuhan Perbadanan yang didaftarkan hendaklah menggunakan alamat premis komersial atau premis yang dibenarkan oleh LPBM sahaja.
- 4.1.4 Kombinasi pertubuhan perbadanan yang dibenarkan
Dalam satu masa, hanya dibenarkan mendaftar mana-mana kombinasi berikut:
 - a. Pemilikan Tunggal dan Perkongsian
 - b. Pemilikan Tunggal/Perkongsian dan Syarikat Sendirian Berhad
- 4.1.5 Syarat khas permohonan CoP
Pesara pegawai perkhidmatan awam yang berdaftar sebagai Perancang Bandar berdaftar dengan tempoh pendaftaran kurang daripada sepuluh (10) tahun dan telah mendapat pengecualian daripada menduduki Peperiksaan Profesional LPBM di peringkat Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) hendaklah menjalani sesi temu duga terlebih dahulu sebelum layak memohon CoP.

4.2 Pertubuhan Perbadanan bagi Pemilikan Tunggal

- 4.2.1 Syarat pemilikan
Pertubuhan Perbadanan yang didaftarkan sebagai Pemilikan Tunggal hendaklah dimiliki sepenuhnya oleh seorang Perancang Bandar berdaftar.
- 4.2.2 Pendaftaran
Prinsipal hendaklah mendaftar Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara dalam talian Sistem LPBM melalui Borang 7, 7A beserta fi yang telah ditetapkan.

4.2.3 CoP tambahan

Prinsipal juga dibenarkan mendaftarkan CoP kepada dua (2) Perancang Bandar berdaftar yang bekerja sepenuh masa di Pertubuhan Perbadanan miliknya secara dalam talian Sistem LPBM melalui Borang 7B beserta surat kebenaran pertubuhan perbadanan dan fi yang telah ditetapkan.

4.2.4 Larangan pendaftaran

LPBM tidak akan mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP bagi Pemilikan Tunggal yang mana:

- i. Prinsipalnya adalah seorang pekerja bergaji penuh dalam Sektor Awam atau Syarikat Kepentingan Kerajaan (GLC) di peringkat persekutuan dan negeri;
- ii. Merupakan pekerja sepenuh masa dalam Pertubuhan Perbadanan yang lain; dan
- iii. Ahli Akademik di Institut Penggajian Awam.

4.2.5 Penamaan Pertubuhan Perbadanan

- i. Dalam menamakan Pertubuhan Perbadanan, Perancang Bandar berdaftar hendaklah menggunakan nama individu, sama ada nama penuh atau sebahagian daripada nama tersebut.
- ii. Nama Pertubuhan Perbadanan hendaklah mencerminkan bidang perkhidmatan perundingan perancangan bandar dan mengandungi perkataan atau istilah yang menunjukkan bidang tersebut seperti “Jururancang Bandar”, “Town Planning” atau “Urban Planning” tertakluk kepada kelulusan LPBM.

Contoh:

- *Muhammad Aliff Town Planning Services*
- *Jururancang Bandar Chan Ki Keong*
- *Md. Aliff Urban Planning Services*
- *Juru Rancang Bandar KK Chan*

Pengecualian bagi nama Pertubuhan Perbadanan yang telah didaftarkan dengan MIP dan Pendaftar Perniagaan sebelum 1 Jun 2019.

4.3 Pertubuhan Perbadanan bagi Perkongsian/Rakan Kongsi

4.3.1 Syarat pemilikan

- i. Pertubuhan Perbadanan yang didaftarkan sebagai Perkongsian hendaklah dimiliki oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang rakan kongsi.
- ii. Komposisi rakan kongsi hendaklah memenuhi salah satu daripada syarat berikut:
 - a. semua rakan kongsi merupakan Perancang Bandar berdaftar atau majoriti rakan kongsi merupakan Perancang Bandar berdaftar dan hendaklah sekurang-kurangnya seorang Perancang Bandar berdaftar mempunyai kepentingan pemilikan majoriti; atau
 - b. rakan kongsi lain hendaklah terdiri daripada individu yang merupakan Jurutera Profesional, Juruukur Bahan, Juruukur Tanah, Arkitek atau mana-mana profesional bersekutu atau individu daripada profesion lain yang mempunyai hubungan dengan amalan perancangan bandar dan diiktiraf atau dibenarkan oleh LPBM dengan syarat bahawa Perancang Bandar berdaftar mempunyai kepentingan kawalan dan memegang tidak kurang daripada tujuh puluh peratus (70%) kepentingan pemilikan dalam Pertubuhan Perbadanan tersebut.

4.3.2 Pendaftaran

Prinsipal hendaklah mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara dalam talian Sistem LPBM melalui Borang 7, 7A beserta fi yang telah ditetapkan.

4.3.3 CoP tambahan

Prinsipal juga dibenarkan mendaftarkan CoP kepada dua (2) Perancang Bandar berdaftar yang bekerja sepenuh masa di Pertubuhan Perbadanan miliknya secara dalam talian Sistem LPBM melalui Borang 7B beserta surat kebenaran pertubuhan perbadanan dan fi yang telah ditetapkan.

4.3.4 Larangan pendaftaran

LPBM tidak akan mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP bagi Perkongsian/Rakan Kongsi yang mana:

- i. Prinsipalnya adalah seorang pekerja bergaji penuh dalam Sektor Awam atau Syarikat Kepentingan Kerajaan (GLC) di peringkat persekutuan dan negeri;

- ii. Merupakan pekerja sepenuh masa dalam Pertubuhan Perbadanan yang lain; dan
- iii. Ahli Akademik di Institut Penggajian Awam.

4.3.5 Penamaan Pertubuhan Perbadanan

- i. Dalam menamakan Pertubuhan Perbadanan, nama hendaklah mengandungi nama sebenar rakan kongsi atau akronim yang dibentuk daripada nama rakan kongsi.
- ii. Nama Pertubuhan Perbadanan hendaklah mencerminkan bidang perkhidmatan perundingan perancangan bandar dan mengandungi perkataan atau istilah yang menunjukkan bidang tersebut seperti “Jururancang Bandar”, “Town Planning” atau “Urban Planning” tertakluk kepada kelulusan LPBM.

Contoh:

- *Jururancang Shah, Lim and Chan*
- *Shah, Lim and Chan Town Planning Consultant*
- *SLC Urban Planning Consultant*

Pengecualian bagi nama Pertubuhan Perbadanan yang telah didaftarkan dengan MIP dan Pendaftar Perniagaan sebelum 1 Jun 2019.

4.4 Pertubuhan Perbadanan bagi Syarikat Sendirian Berhad

4.4.1 Syarat pemilikan

- i. Sebuah Syarikat Sendirian Berhad yang ingin menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar hendaklah mempunyai komposisi Lembaga Pengarah yang memenuhi salah satu daripada syarat berikut:
 - a. Kesemua orang perseorangan dalam Lembaga Pengarah merupakan Perancang Bandar berdaftar; atau
 - b. Majoriti daripada orang perseorangan dalam Lembaga Pengarah merupakan Perancang Bandar berdaftar dengan sekurang-kurangnya seorang daripadanya mempunyai kepentingan saham majoriti manakala orang perseorangan yang lain hendaklah terdiri daripada Jurutera Profesional, Juruukur Bahan, Juruukur Tanah atau Arkitek yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan dengan pendaftaran profesion masing-masing; atau
 - c. Majoriti daripada orang perseorangan dalam Lembaga Pengarah merupakan Perancang Bandar berdaftar dengan sekurang-kurangnya seorang daripadanya

memegang ekuiti saham majoriti manakala orang perseorangan yang lain hendaklah terdiri daripada Perancang Bandar Siswazah berdaftar atau individu daripada profesion lain yang mempunyai hubungan dengan amalan perancangan bandar dan diiktiraf oleh LPBM.

- ii. Semua saham Syarikat Sendirian Berhad hendaklah dipegang oleh orang perseorangan yang memenuhi mana-mana kategori sebagaimana dinyatakan dalam para 4.4.1(a), (b) atau (c). Dalam hal ini, Perancang Bandar berdaftar hendaklah:
 - a. mempunyai kepentingan kawalan dalam Syarikat Sendirian Berhad; dan
 - b. memegang ekuiti saham majoriti dalam Syarikat Sendirian Berhad sebagaimana yang ditetapkan oleh LPBM.
- iii. Keperluan berkaitan kepentingan kawalan dan pemilikan ekuiti saham majoriti sebagaimana dinyatakan dalam para ii hendaklah dikekalkan sepanjang tempoh Pertubuhan Perbadanan menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.

4.4.2 Pendaftaran

Lembaga Pengarah (pemegang ekuiti saham) Syarikat Sendirian Berhad hendaklah mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara dalam talian Sistem LPBM melalui Borang 7, 7A beserta fi yang telah ditetapkan.

4.4.3 CoP tambahan

Lembaga Pengarah (pemegang ekuiti saham) Syarikat Sendirian Berhad juga dibenarkan mendaftarkan CoP kepada dua (2) Perancang Bandar berdaftar yang bekerja sepenuh masa di Pertubuhan Perbadanan miliknya secara dalam talian Sistem LPBM melalui Borang 7B beserta surat kebenaran pertubuhan perbadanan dan fi yang telah ditetapkan.

4.4.4 Larangan pendaftaran

LPBM tidak akan mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP bagi Syarikat Sendirian Berhad yang mana:

- i. Prinsipalnya adalah seorang pekerja bergaji penuh dalam Sektor Awam atau Syarikat Kepentingan Kerajaan (GLC) di peringkat persekutuan dan negeri;
- ii. Merupakan pekerja sepenuh masa dalam Pertubuhan Perbadanan yang lain; dan
- iii. Ahli Akademik di Institut Penggajian Awam.

4.4.5 Penamaan Pertubuhan Perbadanan

- i. Nama Pertubuhan Perbadanan hendaklah menggunakan nama individu, nama sebenar rakan kongsi, nama pengarah atau pemegang saham atau akronim yang dibentuk daripada nama-nama tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- ii. Nama Pertubuhan Perbadanan hendaklah mencerminkan bidang perkhidmatan perundingan perancangan bandar dan mengandungi perkataan atau istilah yang menunjukkan bidang tersebut seperti “Juru Rancang Bandar”, “Town Planning” atau “Urban Planning” tertakluk kepada kelulusan LPBM.

Contoh:

- *Juru Rancang Bandar Shah Sdn Bhd*
- *Lim and Chan Town Planning Consultant Sdn Bhd*
- *SLC Urban Planning Consultant Sdn Bhd*

Pengecualian bagi nama Pertubuhan Perbadanan yang telah didaftarkan dengan MIP dan Pendaftar Perniagaan sebelum 1 Jun 2019.

4.5 Biro Perundingan Universiti

4.5.1 Biro Perundingan Universiti ialah biro yang ditubuhkan dengan kelulusan Universiti bagi menyediakan khidmat nasihat, khidmat profesional, maklumat, khidmat kepakaran atau apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh kakitangan akademik berdasarkan penggunaan masa dan kepakaran mereka, yang mana kakitangan akademik tersebut menerima upah, fi profesional atau honorarium.

4.5.2 Syarat pemilikan

- i. Biro Perundingan Universiti yang ingin menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar hendaklah memenuhi komposisi pemilikan dan ekuiti yang ditetapkan oleh LPBM dan mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang yang terdiri daripada:

- a. kesemua orang perseorangan merupakan Perancang Bandar berdaftar dengan sekurang-kurangnya seorang daripadanya mempunyai kepentingan saham majoriti;
 - b. majoriti orang perseorangan merupakan Perancang Bandar berdaftar dengan sekurang-kurangnya seorang daripadanya mempunyai kepentingan saham majoriti manakala orang perseorangan yang lain merupakan profesional yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan pendaftaran profesion masing-masing; atau
 - c. majoriti orang perseorangan merupakan Perancang Bandar berdaftar, dengan sekurang-kurangnya seorang daripadanya memegang ekuiti saham majoriti manakala orang perseorangan yang lain terdiri daripada Perancang Bandar Siswazah berdaftar atau individu daripada profesion lain yang mempunyai hubungan dengan amalan perancangan bandar dan diiktiraf oleh LPBM.
- ii. Semua saham atau kepentingan ekuiti Biro Perundingan Universiti hendaklah dipegang oleh orang perseorangan yang memenuhi mana-mana kategori sebagaimana dinyatakan dalam para 4.5.2(a), (b) atau (c).
 - iii. Perancang Bandar berdaftar hendaklah:
 - a. mempunyai kepentingan kawalan dalam Biro Perundingan Universiti; dan
 - b. memegang ekuiti saham majoriti sebagaimana yang ditetapkan oleh LPBM.
 - iv. Keperluan berkaitan kepentingan kawalan dan pemilikan ekuiti saham majoriti sebagaimana dinyatakan dalam para 4.5.2(iii) hendaklah dikekalkan sepanjang tempoh Biro Perundingan Universiti menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.

4.5.5 Pendaftaran

Mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara dalam talian Sistem LPBM melalui Borang 7, 7A beserta surat kebenaran Universiti dan fi yang telah ditetapkan.

4.5.6 Larangan

Biro Perundingan Universiti yang berdaftar dengan LPBM hendaklah terhad kepada amalan sebagaimana diperuntukkan di bawah perenggan 13(1)(a) dan (b) Akta 538 dan tidak dibenarkan menjalankan amalan sebagaimana diperuntukkan di bawah perenggan 13(1)(c) Akta 538.

4.6 Pertubuhan Perbadanan (Cawangan)

- 4.6.1 Pertubuhan Perbadanan yang berdaftar dengan LPBM boleh membuka pejabat cawangan di negeri lain, tertakluk kepada kelulusan LPBM dan syarat yang ditetapkan. Setiap pejabat cawangan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang Perancang Bandar berdaftar yang mempunyai CoP yang didaftarkan di bawah Pertubuhan Perbadanan tersebut.
- 4.6.2 Keperluan sebagaimana di para 4.6.1 adalah bagi memastikan setiap pejabat cawangan mempunyai Perancang Bandar berdaftar yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan profesional kepada pelanggan dan orang awam serta mematuhi Kod Etika Profesional yang ditetapkan oleh LPBM.
- 4.6.3 Pertubuhan Perbadanan yang ingin membuka pejabat cawangan hendaklah:
- mendapatkan kelulusan bertulis daripada LPBM sebelum membuka pejabat cawangan;
 - mengemukakan alamat dan butiran pejabat cawangan kepada LPBM;
 - menamakan sekurang-kurangnya seorang Perancang Bandar berdaftar yang mempunyai CoP yang didaftarkan di bawah Pertubuhan Perbadanan tersebut untuk bertanggungjawab terhadap amalan profesional di pejabat cawangan; dan
 - memastikan pejabat cawangan sentiasa mematuhi Akta 538, peraturan-peraturan berkaitan, Kod Etika Profesional serta apa-apa ketetapan yang ditetapkan oleh LPBM.
- 4.6.4 Sebarang perubahan terhadap alamat pejabat cawangan atau Perancang Bandar berdaftar yang bertanggungjawab hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada LPBM dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perubahan tersebut berlaku.

4.7 Permohonan, Kelulusan dan Pendaftaran

- 4.7.1 Setiap Perancang Bandar berdaftar yang ingin menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar hendaklah mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP dengan LPBM mengikut syarat dan tatacara yang ditetapkan.

- 4.7.2 Semua permohonan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP hendaklah dibuat melalui Sistem LPBM secara dalam talian dengan mengemukakan borang yang ditetapkan berserta bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan oleh LPBM.
- 4.7.3 LPBM mempunyai hak untuk:
- menolak atau tidak meluluskan mana-mana permohonan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP yang tidak memenuhi kehendak panduan ini, Akta 538 atau mana-mana peraturan yang berkuat kuasa;
 - membatalkan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP yang tidak mematuhi kehendak panduan ini, Akta 538 atau mana-mana peraturan yang berkuat kuasa, tertakluk kepada peruntukan dan prosedur yang ditetapkan; dan
 - tidak memperbaharui pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP sekiranya Pertubuhan Perbadanan atau mana-mana pemegang CoP didapati melanggar Akta 538, peraturan-peraturan berkaitan atau ketetapan yang ditetapkan oleh LPBM.

4.8 Pembaharuan

- 4.8.1 Semua Pertubuhan Perbadanan yang berdaftar dengan LPBM hendaklah memperbaharui pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara tahunan sebelum atau pada 31 Disember setiap tahun.
- 4.8.2 Permohonan pembaharuan hendaklah dibuat melalui Sistem LPBM secara dalam talian dengan mengemukakan Borang 9, 9A dan 9B jika berkenaan, berserta fi yang ditetapkan serta dokumen sokongan sebagaimana dinyatakan dalam borang berkenaan.
- 4.8.3 Dalam mempertimbangkan permohonan pembaharuan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP, LPBM boleh mengenakan apa-apa terma, syarat atau sekatan tambahan yang difikirkan perlu atau wajar.
- 4.8.4 Sekiranya pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP tidak diperbaharui dalam tempoh yang ditetapkan, Pertubuhan Perbadanan dan pemegang CoP tersebut tidak dibenarkan menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar sehingga pembaharuan pendaftaran diluluskan oleh LPBM.

4.9 Pembatalan Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP

- 4.9.1 LPBM boleh membatalkan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP sekiranya:
- i. Pertubuhan Perbadanan, mana-mana pengarah atau pemegang sahamnya telah melanggar, tidak mematuhi atau gagal melaksanakan mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dikenakan oleh LPBM;
 - ii. komposisi Lembaga Pengarah atau pemegang ekuiti saham Pertubuhan Perbadanan tersebut tidak lagi mematuhi panduan ini serta perenggan 20(a) dan 20(b) Akta 538;
 - iii. Prinsipal atau mana-mana anggota Lembaga Pengarah yang telah diisytiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;
 - iv. Pertubuhan Perbadanan tersebut telah melanggar kehendak seksyen 24 Akta 538;
 - v. seseorang pengarah atau pemegang saham Pertubuhan Perbadanan tersebut, sama ada Perancang Bandar berdaftar atau bukan, telah:
 - a. bersalah atas;
 - b. telah melakukan;
 - c. terbabit dalam; atau
 - d. merupakan antara sebabmana-mana perbuatan atau perkara sebagaimana dinyatakan dalam subseksyen 34(1) Akta 538; atau
 - vi. terdapat mana-mana keadaan sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 35 Akta 538 yang berhubungan dengan seseorang pengarah atau pemegang saham Pertubuhan Perbadanan tersebut sama ada Perancang Bandar berdaftar atau bukan.
- 4.9.2 Pembatalan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan di bawah para 4.9.1 hendaklah turut menyebabkan pembatalan CoP yang berdaftar di bawah Pertubuhan Perbadanan tersebut tertakluk kepada peruntukan Akta 538 dan keputusan LPBM.
- 4.9.3 Pertubuhan Perbadanan dan pemegang CoP yang pendaftarannya telah dibatalkan tidak dibenarkan menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar mulai tarikh kuat kuasa pembatalan tersebut.
- 4.9.4 Pertubuhan Perbadanan dan pemegang CoP yang telah dibatalkan pendaftarannya hendaklah mematuhi apa-apa arahan atau kehendak LPBM berhubung dengan urusan profesional yang masih belum diselesaikan pada tarikh pembatalan.

4.10 Pengeluaran Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP Baharu

- 4.10.1 LPBM boleh meluluskan pendaftaran semula Pertubuhan Perbadanan dan mengeluarkan CoP baharu kepada Pertubuhan Perbadanan yang pendaftarannya telah dibatalkan, setelah menerima permohonan daripada Pertubuhan Perbadanan tersebut, sekiranya LPBM berpuas hati bahawa:
- i. sebab yang menyebabkan pembatalan pendaftaran tersebut tidak lagi wujud; dan
 - ii. komposisi Lembaga Pengarah dan pemegang saham Pertubuhan Perbadanan tersebut, pada masa permohonan dibuat mematuhi panduan ini dan seksyen 20 Akta 538.
- 4.10.2 Dalam meluluskan pendaftaran semula Pertubuhan Perbadanan dan mengeluarkan CoP baharu, LPBM boleh mengenakan apa-apa terma, syarat atau sekatan tambahan yang difikirkan perlu atau wajar.

4.11 Rayuan Terhadap Penolakan, Syarat dan Pembatalan

- 4.11.1 Tiada rayuan boleh dibuat terhadap:
- i. penolakan oleh LPBM terhadap permohonan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP bagi menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar;
 - ii. apa-apa terma, syarat atau sekatan yang dikenakan oleh LPBM terhadap pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP; dan
 - iii. pembatalan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP.

4.12 Permit/Sijil dan Chop Hidup

- 4.12.1 LPBM akan mengeluarkan:
- i. permit/sijil (Borang 8) yang mengandungi nama individu, nombor Perakuan Praktis (CoP), nama dan nombor pendaftaran Pertubuhan Perbadanan serta alamat Pertubuhan Perbadanan; dan
 - ii. permit/sijil tersebut sah sehingga 31 Disember tahun berkenaan.
- 4.12.2 Sekiranya permit/sijil hilang atau rosak, Pertubuhan Perbadanan boleh memohon kepada LPBM untuk mendapatkan pendua permit/sijil, tertakluk kepada bayaran yang ditetapkan oleh LPBM.

- 4.12.3 Chop hidup yang digunakan bagi tujuan amalan sebagai Perancang Bandar hendaklah hanya menggunakan chop hidup yang dikeluarkan oleh LPBM.
- 4.12.4 LPBM berhak menetapkan bayaran bagi pengeluaran chop hidup dan meminda reka bentuk chop hidup dari semasa ke semasa.

4.13 Bayaran Fi


- 4.13.1 Setiap permohonan baharu bagi pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan Perakuan Praktis (CoP) hendaklah dikenakan fi seperti berikut:
 - i. Fi Permohonan Pertubuhan Perbadanan – RM50.00;
 - ii. Fi Permohonan Perakuan Praktis – RM50.00;
 - iii. Fi Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan – RM400.00; dan
 - iv. Fi Pendaftaran Perakuan Praktis – RM200.00.
- 4.13.2 Setiap permohonan pembaharuan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP hendaklah dikenakan fi seperti berikut:
 - i. Fi Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan – RM400.00; dan
 - ii. Fi Pendaftaran Perakuan Praktis – RM200.00.
- 4.13.3 Fi yang dikenakan di bawah panduan ini boleh dipinda oleh LPBM dari semasa ke semasa.

5.0 KUATKUASA

- 5.1 Panduan ini berkuatkuasa mulai **9 Jun 2026** dan menggantikan panduan terdahulu yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2019.

LAMPIRAN 1

PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN (jika Pertubuhan Perbadanan belum diwujudkan)



LAMPIRAN 2

PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN (jika Pertubuhan Perbadanan belum diwujudkan)

BORANG 6 FORM 6

PERMOHONAN BAGI KELULUSAN NAMA PERTUBUHAN PERBADANAN APPLICATION FOR APPROVAL OF NAME OF BODY CORPORATE

Nama pemohon:
Name of applicant:

Cadangan nama Pertubuhan Perbadanan (Mengikut keutamaan):
Proposed name of Body Corporate (According to priority):

- 1)
2)
3)

Cadangan 3 nama Pertubuhan Perbadanan

Cadangan tarikh kuatkuasa Pertubuhan Perbadanan:
Proposed effective date for the Body Corporate:

Butiran Prinsipal/Rakan Kongsi Pertubuhan Perbadanan:
Particulars of Principals /Partners of the Proposed Body Corporate:

Nama Name	Profesion Profession	No. Pendaftaran Badan Profesional Registration No. With Professional Bodies	% Pemegang Saham % of Shareholder
.....			
.....			
.....			
.....			

PERTUBUHAN PERBADANAN SEDIA ADA (JIKA BERKAITAN)
PARTICULARS OF EXISTING A BODY CORPORATE (IF ANY)

TANDATANGAN PEMOHON
SIGNATURE OF APPLICANT


Nama Name	Nama Name
Jenis Firma Type of company	No. Korporat MIP MIP Corporate No.
No. Pendaftaran Registration No.	No. Pendaftaran LPBM LPBM Registered No.
	Tarikh Permohonan Date of Application

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Salinan surat daripada majikan terdahulu yang mengesahkan bahawa pemohon telah tidak bekerja dengan firma asal; atau
- Salinan surat pengesahan dari Naib Canselor bagi yang bekerja di institusi pengajian tinggi.
- Fi Permohonan RM50

LAMPIRAN 3

PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN DAN PERAKUAN PRAKTIS (Permohonan Baharu)



**PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN
DAN PERAKUAN PRAKTIS (Permohonan Baharu)**

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:

- Salinan Perjanjian Perkongsian / Memorandum dan Artikel Persatuan Badan Korporat.
- Sijil Pendaftaran Syarikat atau Borang 9, 24, 44 dan 49 Akta Syarikat 1965 yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat.
- Pengisytiharan Berkanun *Pemilik Tunggal / Semua Rakan Kongsi (Borang D) / Semua Pengarah dan Pemegang Saham Dalam Badan Korporat.
- Fi Permohonan RM50 dan Fi Pendaftaran RM400.

[illegible]

LAMPIRAN 5

PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN DAN PERAKUAN PRAKTIS (Pembaharuan Tahunan)

